

Lawatan ke Jepun raih potensi pelaburan, eksport RM1.9 bilion

PM tegaskan Malaysia terus dasar berkecuali pastikan dunia aman, stabil

Daripada Robin Augustin

di Tokyo



Datuk Seri Anwar Ibrahim memuktamadkan lawatan kerjanya yang singkat, tetapi penuh bermakna ke Jepun dengan meraih potensi pelaburan dan eksport bernilai RM1.9 bilion dari negara itu.

Namun ada yang lebih besar dibawa pulang dari Negara Matahari Terbit itu iaitu 'pelaburan' Perdana Menteri dari segi masa yang diluangkan bersama kerajaan dan pemimpin perniagaan di negara terbabit, selain barisan pelajar dan kelompok media antarabangsa.

Suatu yang pasti dalam hampir setiap pertemuan, Anwar menetapkan nada yang jelas mengenai apa itu ASEAN dari kaca mata Malaysia sebaik negara mengambil alih teraju sebagai penerusi tahun depan.

Daripada uapturnya pada Forum Nikkei Masa Depan Asia ke-29 kepada sesi media bersama akhbar antarabangsa, Anwar me-

nekankan kepentingan dialog dan kerjasama untuk memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

Sewaktu sesinya pada Forum Nikkei, Anwar menegaskan Malaysia kekal negara 'berkecuali' di tengah ketegangan Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Tidak ada sesiapa pun, atau mana-mana negara sekalipun yang harus menentukan (apa yang negara lain perlu lakukan)," katanya ketika sesi itu.

Apabila ditanya tindakan peluasan Beijing di Laut China Selatan dan kemungkinan konflik yang semakin meruncing, Anwar mengakui isu itu memang ada, tetapi untuk ke depan pendekatan dialog akan lebih diberikan tumpuan dengan matlamat utama untuk memastikan keamanan dan kestabilan.

Beliau mengakui Malaysia tidak terlepas daripada perbezaan dengan China, namun ia seperti perbezaan yang ada dengan negara lain di rantau ini serta AS.

Apa pun, isu ini tidak menjadi penghalang kepada hubungan dua hala yang kukuh serta peluang kerjasama ekonomi.

Tegas Perdana Menteri, Malaysia tidak akan sekali-kali terpengaruh dengan 'minda Perang Dingin' dan apabila ada isu timbul, penyelesaian terletak pada dialog.

Ketika diasak mengenai temuannya dengan Ismail Haniyeh sewaktu lawatannya ke Qatar baru-baru ini, Anwar tidak segan silu memanggil pemimpin Hamas itu sebagai kawan.

Beliau berkata, disebabkan status mereka sebagai kawan, dia



Anwar ketika berdialog dengan Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di Tokyo, kelmarin.

(bernama)

bukan sahaja boleh bercakap dengannya, tetapi turut merayu Hamas menerima saranan negara di Asia Barat dan antarabangsa untuk meneruskan perdamaian.

Anwar berkata, beliau juga meminta Haniyeh menerima penyelesaian dua negeri dan pertukaran tawanan.

Ketika pertemuan dua hala Anwar bersama rakan sejawatnya di Jepun, Fumio Kishida pula, semangat kolaborasi dan kerjasama kelihatan menjadi tema utama.

Kedua-dua negara mengambil kira kerjasama dalam pelbagai bidang antara lain termasuk perdagangan, keselamatan maritim, pendidikan, peralihan tenaga, tenaga boleh diperbaharui dan pendidikan tinggi.

Perdana Menteri juga sempat mengadakan perbincangan de-

ngan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin serta pemimpin tertinggi dari Singapura, Indonesia, Kemboja dan Mongolia yang turut menghadiri Forum Nikkei.

Ekonomi ASEAN perlu kukuh

Berbalik kepada konteks ASEAN, mesej penting ditegaskan Anwar supaya blok itu memberi tumpuan memperkukuh kekuatan ekonominya untuk mengekalkan perpaduan.

Sudah tentu, beliau berkongsi misinya untuk meningkatkan tumpuan ASEAN terhadap perdagangan, pelaburan, kerjasama dan kelebihan komparatif sebaik Malaysia memegang jawatan penerusi tahun depan.

Pada masa sama, beliau menyeru agar ASEAN menjadi lebih 'agresif dan dinamik' bagi me-

mastikan ia kekal sebagai sebuah kuasa yang padu.

Semua ini amat penting, lebih-lebih lagi dengan perang saudara yang berlaku di Myanmar yang mengorbankan lebih 1,000 orang sejak akhir tahun lalu dan menyebabkan ramai lagi kehilangan tempat tinggal.

Anwar mengakui krisis berlaku itu mencabar dasar tidak campur tangan ASEAN, namun beliau akan mendesak dialog lebih besar dengan Myanmar.

Antara pengisian terakhirnya di Tokyo, Anwar memberi penghormatan kepada ulama, Toshihiko Izutsu yang menterjemah al-Quran ke bahasa Jepun.

Izutsu juga terkenal dengan tulisannya yang menggalakkan pemahaman lebih mendalam tentang pelbagai agama.